# Proposed Enhancement of Enforcement Actions

MARITIME INSTITUTE OF MALAYSIA
INSTITUT MARITIM MALAYSIA

WWF

TURTLE CONSERVATION CENTRE
WWW.TURTLECONSERVATIONCENTRE.ORG

MARINE RESEARCH FOUNDATION
SABAH, MALAYSIA

***Presented by:***
*Cheryl Rita Kaur*
*Researcher, Centre for Maritime Security and Environment*

***SAVE OUR TREASURE – TURTLES***
***Roundtable Discussion to Enhance Enforcement on Poaching by Foreign Fishing Vessels*, MIMA Seminar Room: 15 December 2009**



SEBAHAGIAN daripada penyu yang dirampas bersama awak-awak dari Hainan, China disusun sepanjang jeti Pangkalan Polis Marin, Kota Kinabalu, Mac lalu.

# 37 ekor penyu yang diselamatkan di Sabah dilepaskan ke laut

um cms 16) 01/05/2007

KUALA TERENGGANU 30 April – Sebanyak 37 ekor penyu agar dan penyu karah yang diselamatkan dalam beberapa siri rampasan daripada nelayan China di perairan Pulau Mantanani dan Pulau Mengalum, Sabah, akhir bulan lalu telah dilepaskan ke laut selepas semua haiwan itu didapati pulih setelah menerima rawatan.

Ketua Pusat Penyu dan Ekosistem Marin (Tumec) Kamaruddin Ibrahim berkata, penyu-penyu yang diselamatkan itu sebelum ini ditempatkan di Pusat Latihan Ternakan Air Trayong di Tuaran, Sabah untuk diberi rawatan sebelum dilepaskan ke laut.

"Jabatan Perikanan Sabah telah melepaskan semula penyu-penyu itu ke laut akhir minggu lepas setelah penyu-penyu itu sembuh dan benar-benar sihat," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Dalam beberapa siri serbuan yang dilakukan oleh polis marin di perairan Sabah akhir bulan lepas, sebanyak 325 ekor penyu agar dan karah berjaya dirampas tetapi hanya 37 daripadanya didapati masih hidup.

Kamaruddin berkata, ketika dijumpai kebanyakan penyu yang masih hidup itu berada dalam keadaan tidak sihat kerana terlalu lama berada di darat.

Dalam perkembangan berkaitan, Kamaruddin berkata, Tumec dan Jabatan Perikanan Sabah akan bekerjasama untuk mengadakan penyelidikan bagi menyelamatkan penyu di perairan negeri itu.

Katanya, penyelidikan itu termasuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang menjadi tempat haiwan dilindungi itu mencari makan untuk membolehkan ia diwartakan sebagai kawasan perlindungan penyu.

Sebelum in hanya kawasan pantai sahaja diwartakan sebagai kawasan santuari penyu.

Beliau berkata, perbincangan lanjut tentang hubungan kerjasama itu akan diadakan dari semasa ke semasa bagi mencapai matlamat tersebut.

– Bernama

> TURTLE POACHING

# Hit the poachers real hard

NST (MS 29) 05/04/2007

SAHABAT Alam Malaysia (SAM) commends the Sabah marine police for busting two international turtle poaching groups in Malaysian waters.

This is not the first time foreigners have encroached on Malaysian waters. A similar incident occurred in 2004 when 16 fishermen believed to be from Hainan, China, were caught.

Poaching is a major threat to endangered sea turtles. Apart from their many natural predators, including wild dogs, birds, lizards and even insects, they face other threats such as commercial fishing, pollution, coastal development and the use of motor vehicles on beaches.

Poaching is now responsible for killing a significant number of turtles.

Harvesting from the wild to feed the voracious appetite of consumers for food, decorative purposes and as traditional medicine has a devastating effect on the natural population of turtles.

With economics clearly the deciding factor for poachers, can the decimation of turtles be stopped?

The fact that the poachers had remained in Malaysian waters for more than two weeks to have caught that number of turtles and a shark without raising any suspicion from the government entity charged with enforcing the laws is bewildering.

In line with pleas from the marine police, SAM calls for severe penalties, such as heavy fines and long jail sentences, for the poachers. Boat owners should also be charged.

Their reckless exploitation of turtles must be stopped by the provision of greater resources to the relevant agencies. Without adequate resources, enforcement agencies will remain crippled and unable to fulfil their mandate of enforcing turtle protection.



More needs to be done to save turtles like this from falling prey to poachers.

Other approaches are nesting site protection, protection of feeding and developmental sites, community education, and participation from the local communities, fishing groups and government agencies.

Without the efforts of all, turtle poaching will ultimately continue until the turtle population collapses.

**S.M. MOHD IDRIS**
**President**
**Sahabat Alam Malaysia**



# Nelayan China

## *cabar kedaulatan negara sebab penyu*

um (ms 14) 14/04/2007 S/AGAP

DANA Hidupan Liar (WWF) Malaysia baru-baru ini menggesa satu tindakan diplomatik diambil terhadap kerajaan China bagi memastikan pencerobohan nelayan warganya ke perairan negara ini untuk memburu penyu tidak berulang.

Wah! Ini satu tindakan drastik yang membolehkan satu usaha dilihat bagi menangani kepupusan haiwan pengembara marin itu terus pupus dek perbuatan tidak bermoral sekumpulan kecil nelayan negara terbesar di Asia itu.

Malah Ketua Pegawai Teknikal (Program Borneo) WWF, Dr. Rahimatsah Amat turut berkata, tindakan nelayan negara itu yang menangkap penyu di Sabah itu bukan pertama kali dilakukan dan pernah berlaku di kawasan Eko-Wilayah Marin Sulu-Sulawesi (SSME) sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Dah lama rupanya nelayan negara China itu bermaharaja lela memupuskan penyu di negara ini dan Bidai rasa satu tindakan drastik perlu diambil.

Tapi, adakah kita `berani' melakukannya kerana ini membabitkan hubungan dua buah kerajaan di mana satu negara membangun dan satu kuasa besar Asia.

Dan pastinya jika tiada tindakan akan diambil, nelayan itu akan terus melakukan apa yang selama ini pada mereka adalah 'halal' dan boleh dilakukan walaupun menceroboh negara asing.

Kalau kita kata ini adalah perkara kecil yang tidak perlu diheboh-hebohkan, Bidai ingin menyangkal dakwaan itu kerana, sebenarnya dalam diam, kedaulatan kita juga sudah diceroboh.

Jika kedaulatan sudah diceroboh, bermakna pihak tentera boleh menghalang tindakan berkenaan kerana mereka sudah melanggar kedaulatan negara ini serta undang-undang yang ada.




Ramai pencinta alam sekitar dan juga mereka yang bukan peminat penyu tergamam melihat gambar yang disiarkan akhbar baru-baru ini.

Bukan sedikit tetapi kira-kira 337 ekor penyu ditangkap dan diawet untuk dijadikan bahan penguat tenaga batin rakyat negara itu yang pada Bidai tak masuk akal dilakukan.

Bidai yang pernah melihat seekor penyu mati tersangkut pada jaring nelayan dan juga seekor yang terdampar di pantai terkena kipas bot pun merasa sedih, inikan pula beratus-ratus ekor yang mati kepanasan selepas diawet.

Memang tidak bertamadun tindakan nelayan berkenaan kerana pada Bidai, amalan kuno itu sudah boleh ditinggalkan dan kalau nak juga dapatkan penyu-penyu berkenaan, carilah di tempat sendiri.

Di sini juga Bidai nak tanya juga dengan pelbagai agensi penguatkuasa maritim yang ada di negara ini, bagaimana kejadian ini boleh berlaku kerana untuk menangkap seekor penyu pastinya memerlukan masa yang lama kerana penyu tidak berenang dalam kumpulan?

Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Perikanan, Polis Marin, Renjer Taman-Taman Sabah dan juga nelayan tempatan yang sentiasa berada di sekitar kawasan berkenaan, tak kan lah tak pernah nampak nelayan asing tu?

Atau mungkin ada laporan yang diberikan nelayan tempatan tapi dibuat endah tak endah oleh agensi penguat kuasa kerana mungkin mereka terikat dengan standard rondaan?

Apa yang terjadi sebenarnya? Kerana untuk mendapatkan 10 ekor penyu Bidai dapat rasakan ia mengambil masa kira-kira lima atau 10 hari, kecualilah nelayan China tu ada cara untuk memanggil penyu ke dalam jaring mereka.

Jadi Bidai amat sangat berharap, agensi penguatkuasa marin supaya mengambil tindakan pada setiap aduan yang dibuat.., dan radar yang dibekalkan oleh kerajaan tu, lihat-lihatlah selalu.

Jika ada yang tak kena, buatlah pemantauan. Jangan sampai satu hari nanti, penyu pupus disebabkan tindakan penguatkuasaan yang lemah.

Fikirkanlah...


Suluh Bidai

suluhbidai@yahoo.com



Source: Utusan Malaysia, 2007

HAIWAN EKSOTIK: Penyu diburu nelayan asing sebagai makanan laut popular dan bagi tujuan perubatan.


Source: MMEA


Source: MMEA



Source: MMEA

# MAJOR INCIDENCES

- Fishermen from China have been apprehended for poaching marine turtles in the country's waters.
- In May 2004, marine police arrested 16 fishermen from Hainan after discovering around 160 dead marine turtles aboard a trawler.
- In 2005, more than 100 marine turtles were seized from a Hainan trawler which encroached into Malaysian waters off Labuan.
- On 19 March 2005, a Chinese boat was apprehended with Green and Hawksbill Turtles in Berau, East Kalimantan, Indonesia.

- An international turtle-poaching syndicate was busted with nearly 260 protected turtles recovered from a trawler, from China. The trawler with 17 crew members was seized in the Malaysian waters of Sabah in March 2007.

  In fact, this was the second trawler from Hainan Island that the marine police have waylaid within 48 hours for poaching valuable Hawksbill and Green turtles in the Malaysian waters.

  Earlier, 19 crewmembers of a China-registered boat were arrested off Pulau Mantanani Kecil with 78 turtles recovered.

# THE PROBLEM

- Marine turtles are endangered to the point of possible extinction.
- Not just a lost of natural resources but also an issue of national sovereignty.
- It has become imperative that further conservation measures be taken if the turtles are to survive even the next century.

# THE WAY FORWARD

- To forge better coordination between all the relevant enforcement agencies.

- Government to provide more resources (human, financial, time, and effort) to solve this issue of direct take by foreign fishing vessels.

- To establish a *Task Force/Coordinating Committee* to tackle the issue through participation from all key stakeholders.

- Coordination at the *Sulu-Sulawesi Marine Ecoregion* (SSME) level: This includes Indonesia, Malaysia, and Philippines; or at the government-led *Coral Triangle Initiative* (CTI) level to sort this out.

- The Ministry of Foreign Affairs to take this up at the diplomatic level, either bilaterally or multi-laterally.

  For instance, this can be done at the *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN), *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC), etc. levels.

- Attorney General’s Chambers to study multi-lateral conventions such as the *Convention on Biological Diversity* (CBD) and the *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) for possible provisions for solution.

- Malaysia could also consider to  sign the *Indian Ocean – South-East Asian Marine Turtle Memorandum of Understanding* (IOSEA) in order to seek multi-lateral solution to this.

  The IOSEA Marine Turtle Memorandum of Understanding is an intergovernmental agreement to protect, conserve, replenish and recover marine turtles and their habitats of the Indian Ocean and South-East Asian region, working in partnership with other relevant actors and organisations.

- The NGO to continue efforts on building awareness, education and ‘market transformation’ in China and Viet Nam (as medium and long term measures).

# THANK YOU